

04/01/2002

Ubah budaya tidak baik: PM

Ziauddin Sharuddin

REMBAU, Khamis - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin rakyat negara ini akan muncul sebagai bangsa yang maju jika mereka sanggup mengubah budaya kepada yang lebih baik dan dapat memberi kemajuan.

Perdana Menteri berkata, rakyat harus belajar dan mengambil iktibar daripada budaya bangsa lain, terutama yang pernah maju kemudian menjadi mundur dan sebaliknya.

Sambil menyatakan beliau belum begitu puas hati dengan pencapaian bangsa Malaysia sekarang, Dr Mahathir berkata, rakyat perlu meneliti sejarah kemajuan dan kemunduran bangsa Mongol dan Russia serta empayar Islam.

"Kita mesti sanggup mengubah sedikit sebanyak budaya kita yang tidak baik dan menerima budaya lebih baik, yang lebih mampu memberi kemajuan kepada kita," katanya pada majlis Aidilfitri anjuran Biro Tata Negara, Kem Bina Negara Ulu Sepri, di sini hari ini.

Sebelum itu Perdana Menteri menyampaikan ceramah dua jam setengah kepada peserta dan alumni kursus Bina Negara Perdana Bil 1/2002 terdiri 86 pegawai kanan kerajaan, badan berkanun, tokoh korporat dan individu.

Kursus empat hari itu berakhir Sabtu ini. Turut hadir ialah Menteri Besar, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

Dr Mahathir berkata, beliau membaca sejarah Mongol, bangsa nomadik yang berpindah dari satu tempat ke satu tempat lain mengikut hasil ternakan mereka serta berpecah kepada berpuluh bangsa dan suku kaum.

Bagaimanapun, apabila datang seorang pemimpin bernama Genghis Khan, yang berjaya secara paksa, menggunakan tenteranya untuk menyatu padu bangsa dan suku kaum Mongol supaya mereka menjadi satu bangsa.

"Walaupun bangsa Mongol itu kolot pada mulanya, Genghis Khan berjaya membawa perpaduan yang menjadi kekuatan kepada bangsa itu. Daripada itu, dia (Genghis Khan) berjaya memberangsangkan semangat mereka sehingga mereka sanggup bermatian untuk menguasai dunia.

"Kegemilangan empayar Mongol diteruskan oleh anak Genghiz Khas tetapi pada zaman cucunya, mereka berpecah dan akhirnya empayar Mongol runtuh," katanya.

Beliau berkata, keadaan serupa menimpa Russia. Peter The Great berjaya menukar bangsa dan membawa negara yang mundur ketika itu dengan menukar budaya rakyat secara paksa dan kekerasan. Sesiapa yang menentang akan dibunuhnya.

"Akhirnya dia berjaya menukar bangsa Russia menjadi bangsa Barat, bukannya bangsa Timur. Russia sejak zaman itu menjadi kuasa besar dunia yang dapat mengalahkan wilayah Mongol dan wilayah dimiliki orang Turki seperti Uzbek, Kazak dan lain-lain," katanya.

Perdana Menteri berkata, pemimpin itu berjaya menyemai nilai hidup berlainan dari nilai hidup yang membawa kemunduran kepada mereka. Sebaliknya, bangsa yang maju kemudiannya menjadi mundur akibat perpecahan dan pegangan budaya kolot.

Beliau memberikan contoh orang Islam yang berjaya mendirikan beberapa empayar selama 1,300 tahun berpusat di Damsyik, Baghdad dan Istanbul sehingga jatuh kerana perpecahan sesama sendiri serta berpegang kepada budaya lama.

"Akibat perpecahan di kalangan umat Islam dan pegangan mereka kepada budaya yang sudah kolot, umpamanya tentera tidak dibenar memakai seluar ketat macam kita pakai sekarang (kerana) itu dianggap haram, tidak boleh pakai topi 'peak cap' kerana tidak boleh sembahyang dan tidak mahu terima

senjata baru, akhirnya mereka dikalahkan dan empayar Islam pun runtuh.
"Walaupun kadangkala tesis ini dipertikaikan, ramai juga pihak yang menerima," katanya.

(END)